

BAB 3

3.0 Kaedah Kajian

3.1 Peringkat Analisis Kesilapan

Ada lima peringkat untuk membuat Analisis Kesilapan bahasa pelajar yang dikaji. Peringkat berikut akan penyelidik huraikan satu persatu secara ringkas.

3.1.1 Pengenalan

Seorang pengkaji wajib tahu kesilapan yang pelajar lakukan. Pengkaji juga wajib mengenali penyimpangan, sebab penyimpangan daripada norma struktur dan hukum tatabahasa yang umumnya diterima sebagai betul, juga dianggap sebagai satu kesilapan atau kesalahan bahasa. Ada pengkaji yang memanggil kesilapan atau kesalahan sebagai idiosinkrasi. Corder, Allen (1979) dan Richards (1974) menyatakan ada empat jenis kesilapan yang pengkaji perlu tahu. Kesilapan yang pertama dikenali sebagai kesilapan kemampuan. Kesilapan ini berlaku kerana pelajar itu kurang upaya, memahami hukum dan peraturan bahasa kedua. Ini menyebabkannya melakukan kesilapan kemampuan. Faktor sekitar, psikologi dan sosio-linguistik juga turut membantu dan menjadi punca pelajar melakukan kesilapan kemampuan ini. Kesilapan yang paling ketara, yang sering pelajar lakukan ialah kesilapan tatabahasa. Ini menunjukkan yang pelajar masih belum

mampu memahami tatabahasa dengan sepenuhnya. Kesilapan yang kedua dikenali sebagai kesilapan penampilan. Kesilapan ini berlaku disebabkan oleh faktor fizikal misalnya letih, terkejut, sedih atau sebab gangguan jiwa. Kadang-kadang kesilapan ini tidak sengaja dan pelajar boleh sedikit-sedikit menerangkan kesilapan tersebut dan ada yang boleh membetulkannya apabila diminta untuk berbuat demikian. Kesilapan seterusnya ialah kesilapan nyata. Kesilapan ini mudah nampak sebab ayatnya tidak boleh diterima oleh penutur asli bahasa tersebut dan ayatnya tidak mengikut hukum tatabahasa tersebut. Ayat-ayat ini memang menyeleweng dan tidak mengikut hukum tatabahasa. Kesilapan yang termasuk di dalam kesilapan nyata juga meliputi ayat yang tidak dapat diterima dan salah konteks serta salah situasi. Ayat ini nyata salahnya. Kesilapan yang terakhir ialah kesilapan tersembunyi. Ini bererti ayat ini mempunyai bentuk yang sempurna tetapi tidak dapat diterima, salah konteks dan salah situasi.

3.1.2 Pentafsiran

Bagi kesilapan nyata pengkaji perlu menafsir ayat yang silap, berasaskan bahasa ibunda pelajar. Atau pengkaji boleh menterjemahkan terus secara harfiah daripada bahasa ibunda. Dengan cara begini kita dapat memahami maksud pelajar. Untuk kesilapan tersembunyi, pengkaji boleh menafsir ayat yang salah itu dengan merujuk kepada konteks dan situasi ayat itu dibuat atau

engkaji boleh menemubual pelajar. Sekiranya tidak dapat berbuat kedua-duanya, pengkaji boleh menafsir, mana-mana yang munasabah. Pentafsiran ini bertujuan untuk mengetahui maksud sebenar pelajar menerusi ayat yang salah tadi.

3.1.3 Pembinaan Semula dan Rekonstruksi

Berdasarkan ayat yang salah itu pengkaji wajib membina semula ayat itu. Kemudian bolehlah pengkaji membandingkannya dengan ayat asal di dalam bahasa ibunda pelajar. Itupun sekiranya pengkaji mengetahui bahasa ibunda pelajar. Sekiranya tidak memahami, maka bolehlah menemubual pelajar tersebut untuk mendapat penjelasan daripadanya tentang apakah maksud sebenar yang hendak disampaikan melalui ayat itu. Ketika membuat pembinaan semula, pengkaji patut mengambil kira faktor kesesuaian, konteks penggunaan ayat itu. Umur pelajar, bahasa ibundanya, cara dia belajar serta pendedahan bahasa keduanya juga wajib ditimbang semasa pengkaji membina semula ayatnya. Pengkaji wajib teliti apakah ayat itu ayat terjemahan harfiah atau terjemahan isinya sahaja. Akhirnya, sekiranya boleh, elok ditemubual pelajar tersebut untuk mendapat penjelasan daripadanya. Sekiranya semua tidak dapat dilakukan pengkaji dibolehkan membina semula ayat berasaskan munasabah mengikut konteks dan situasi.

3.1.4 Penggolongan/Pengkelasan

Penggolongan ini boleh dilakukan dengan empat pendekatan seperti berikut :-

Pendekatan pertama ialah dengan menggunakan faktor linguistik. Faktor yang digunakan ialah adakah ayat itu boleh diterima dan adakah ayat itu sesuai. Ayatnya diteliti berasaskan keterimaan dan kesesuaian. Juga dilihat kesilapan daripada segi tatabahasa seperti kata, frasa, klausa, ayat, ejaan, maksud, imbuhan dan kesesuaian dalam konteks. Contoh pengkelasan begini dilakukan oleh Politzer dan Ramirez (1973) ketika mengkaji penggunaan ayat oleh kanak-kanak Mexico di Amerika Syarikat. Jumlah sampelnya ialah 200 orang kanak-kanak Amerika keturunan Mexico. Mereka menggunakan istilah morfologi, sintaksis dan leksikal. Seterusnya dipecahkan lagi kepada sub-kumpulan kecil seperti kata, kata kerja, kata ganti nama, kata sifat, kata sandang dan frasa nama. Dulay dan Burt (1982) juga menggolongkan pengkelasannya mengikut acuan ini.

- b. Penggolongan kedua ialah menentukan sama ada kesilapan itu jenis kesilapan kemampuan atau kesilapan penampilan. Kesilapan penampilan ialah kesilapan-kesilapan yang tidak sengaja dilakukan. Kesilapan ini berlaku sebab tersasul, terlatah dan tersalah sebut. Mungkin kerana letih, lalai, cuai atau fikiran terganggu sebab banyak sangat perkara yang sedang difikirkan. Ada yang menyatakan kesilapan ini

berlaku sebab pemikiran yang tidak tersusun dan kurang yakin pada diri sendiri. Ada yang berlaku sebab tergamam, panik, darah gemuruh atau suasana yang tidak selesa. Kesilapan kemampuan pula terdiri daripada tiga tahap ialah prasistematik, sistematik dan pasca sistematik. Kesilapan ini berlaku sebab pelajar belum mengetahui sistem tatabahasa (prasistematik). Kesilapan sistematik bererti pelajar sudah pun mempelajari tatabahasa tetapi masih tidak tahu menggunakannya sebab masih samar-samar dan belum menguasai sepenuhnya. Kesilapan terakhir ialah kesilapan tahap pasca sistematik. Ini bererti pelajar sudah mempelajari, menguasai dan dapat mengguna tatabahasa yang dipelajari. Namun, mereka masih membuat kesilapan disebabkan faktor fizikal misalnya letih, cuai, gugup dan sebagainya.

- c. Penggolongan seterusnya ialah penggolongan kesilapan 'intralingual' dan 'interlingual'. Kesilapan 'interlingual' ialah kesilapan hasil daripada gangguan bahasa ibunda manakala kesilapan 'intralingual' ialah kesilapan 'hasil daripada gangguan bahasa kedua.
- d. Penggolongan keempat dan terakhir ialah melihat kekesanan pada maksud ayat yang silap itu. Adakah pelajar dapat menyampaikan maksudnya dengan jelas. Adakah berlaku kekaburan maksud sebab kesilapan tersebut. Untuk mengetahui maksud sebenar pelajar, pengkaji boleh menemu-bualnya, atau menafsir sendiri sekiranya boleh berbahasa

ibunda pelajar. Sekiranya tidak boleh, maka pengkaji bolehlah membina ayat tersebut mengikut kaedah yang munasabah. Penggolongan ini hanya untuk melihat kemampuan komunikasi pelajar.

3.1.5. Penjelasan

Ada dua jenis penjelasan berkait dengan kesilapan ini. Satu jenis penjelasan linguistik dan lagi satu ialah penjelasan psikolinguistik. Psikolinguistik pula berkait dengan pemikiran pelajar yang menyebabkannya melakukan kesilapan hasil gangguan bahasa ibunda (interlingual) dan juga bahasa kedua (intralingual). Selinker dan Richards (1974) menyimpulkan bahawa kesilapan umumnya berlaku berpunca daripada gangguan bahasa ibunda, pemindahan latihan bahasa kedua, pelajar menggunakan strategi komunikasi dan membuat kesimpulan menyeluruh yang salah terhadap bahasa kedua. Selain daripada merumus hipotesis yang salah, menyimpul konsep tatabahasa kedua yang salah, Richards (1974) menyatakan antara punca lain berlaku kesilapan ialah masalah tidak dapat memahami betul-betul tatabahasa dan masih belum dapat menggunakan peraturan tatabahasa dengan lengkap.

3.2 Prosedur Kajian

Kajian ini ialah kajian analisis kesilapan mengenai Bahasa Malaysia 50 orang pelajar Melayu program Diploma dan Bacelor Sains Pertanian, Universiti Pertanian Malaysia, semester Disember 1990/91. Penyelidik mengkhususkan kepada penggunaan sendi nama di dalam penulisan kertas kerja ilmiah pelajar. Oleh yang demikian kesilapan sendi nama yang pelajar lakukan hanya mewakili kumpulan 50 orang pelajar ini sahaja.

Penyelidik meninjau dan meneliti 50 karangan pelajar serta mencatat setiap kesilapan sendi nama yang pelajar lakukan. Penelitian ini dilakukan mengikut program iaitu Diploma Pertanian, Bacelor Sains Pertanian dan Bacelor Sains Hortikultur. Pelajar-pelajar ini daripada Fakulti Pertanian, Universiti Pertanian Malaysia. Penyelidik juga menemubual pelajar untuk mengetahui secara lebih jelas lagi tahap penguasaan bahasa pelajar. Temubual ini juga bertujuan untuk mengenali pelajar dengan lebih dekat lagi untuk mendapatkan maklumat tentang latar belakang, sosio-ekonomi dan peribadi pelajar.

3.3 Sampel Kajian

Untuk kajian ini penyelidik memilih 50 orang pelajar Melayu seperti di dalam jadual. Pelajar ini semuanya Melayu yang bahasa ibundanya Bahasa Malaysia. Mereka bertutur Bahasa Malaysia di rumah, di sekolah dan telah mengikuti pendidikan ke

peringkat universiti menggunakan bahasa pengantar Bahasa Malaysia.

Sampel Kajian

Kursus	L	P	Calon Melayu
Dip. Pertanian	24	7	31
Bac. Pertanian	8	4	12
Bac. Hortikultur	3	4	7
Jumlah	35	15	50

L = Lelaki P=Perempuan

Pada ketika biasa dan ketika bergaul dengan rakan-rakan, mereka umumnya menggunakan Bahasa Malaysia. Ada ketika mereka menggunakan dialek daerah masing-masing.

3.4 Analisis Data

Berdasarkan data yang dikumpulkan penyelidik bertujuan:-

- menganalisis data secara umum untuk semua 50 orang pelajar.
- menganalisis data kesilapan sendi nama pelajar mengikut program.

Setiap kesilapan akan dikira peratusnya. Daripada analisis ini dapat dibuat perbandingan kesilapan sendi nama yang pelajar lakukan antara program. Perbandingan juga dibuat antara pelajar lelaki dan perempuan untuk setiap program untuk melihat kekerapan kesilapannya.